



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KEPIMPINAN GURU TERHADAP KEBERHASILAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI DAERAH PERAK TENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD KHAIRI BIN MD AKHIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KEPIMPINAN GURU TERHADAP KEBERHASILAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI DAERAH PERAK TENGAH

MOHD KHAIRI BIN MD AKHIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila Taipkan (✓):**

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **18** (hari bulan) **JUN** (bulan) **2019**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHD KHAIRI BIN MD AKHIR/ M 20161000530/ FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PENGARUH KEPIMPINAN GURU TERHADAP KEBERHASILAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI DAERAH PERAK TENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. KHALIP BIN MUSA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGARUH KEPIMPINAN GURU TERHADAP KEBERHASILAN PELAJAR TINGKATAN ENAM DI DAERAH PERAK TENGAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian MOD B sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**.

12 JULAI 2019

Tandatangan Penyelia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah tuhan semester alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan para sahabat. Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan kudrat-Nya dapat saya menyempurnakan disertasi ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Pensyarah Penyelia yang amat berdedikasi, Prof. Madya Dr. Khalip Bin Musa di atas bimbingan, tunjuk ajar, teguran, saranan, motivasi, dorongan dan perkongsian idea serta kesabaran sewaktu membimbing saya dengan penuh kesabaran sepanjang saya menjalankan kajian ini. Semoga Allah S.W.T dapat membalas segala jasa dan kebaikan ini, In Sha Allah. Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI yang telah mencerahkan ilmu pengetahuan yang begitu bermakna kepada saya. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak, di atas kebenaran yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada Bahagian Tajaan, KPM kerana meluluskan kepada saya Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) bagi menyempurnakan pengajian ini. Tidak lupa juga penghargaan ditujukan kepada Pengetua, Penolong Kanan Tingkatan Enam, guru dan pelajar tingkatan enam di daerah Perak Tengah yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan pelajar sarjana pengurusan pendidikan sesi 2016/2017, terima kasih atas sokongan, bantuan berupa buah fikiran, bimbingan dan motivasi yang diberikan ketika sama-sama berjuang menyiapkan tugas ini. Kepada isteri tersayang, Zaiton Binti Idris terima kasih diucapkan kerana sentiasa memberikan semangat dan sokongan yang padu untuk saya menimba ilmu dan seterusnya menyiapkan semua tugas yang telah diberikan. Terima kasih kepada semua.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh amalan kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan dua jenis instrumen soal selidik iaitu soal selidik kepimpinan guru dan soal selidik keberhasilan pelajar. Populasi kajian ini terdiri dari 187 pelajar tingkatan enam atas di daerah Perak Tengah. Berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan, jumlah sampel adalah 123 pelajar. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferens. Hasil kajian menunjukkan kepimpinan guru ($\text{min}=4.15$, $\text{sp}=0.47$) dan tahap keberhasilan pelajar ($\text{min}=4.07$, $\text{sp}=0.43$) berada pada tahap yang tinggi. Namun kepimpinan guru mempunyai hubungan yang lemah dengan keberhasilan pelajar ($r=.238$, $p < .05$). Hasil analisis regresi linear mudah menunjukkan kepimpinan guru mempengaruhi keberhasilan pelajar ($\beta=.238$, $p=0.000$). Kajian ini mendapati wujudnya pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan guru perlu diperkasakan untuk meningkatkan keberhasilan pelajar tingkatan enam.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

THE INFLUENCE OF TEACHER'S LEADERSHIP TO LEARNING SUCCESSFULNESS OF FORM SIX STUDENTS IN PERAK TENGAH DISTRICT

ABSTRACT

The study was conducted to identify the influence of teachers' leadership on the form six students success. It was carried out as a case study using survey of Teacher Leadership and Student Learning Success. Population of the study consisted of 187 upper six students from Perak Tengah district. Based on the sample size table Krejcie and Morgan, the number of sample was 123 students. The sample was chosen via random sampling technique. Descriptive and inferential statistics were used to analyse data. The study found there were a high teacher leadership commitment ($m= 4.15$, $sd= 0.47$) and a high students learning success rate ($m= 4.07$, $sd= 0.43$). However, teacher leadership has a weak relationship with student success ($r = .238$, $p < .05$). The linear regression analysis showed that teacher leadership influenced students learning success ($\beta=.238$, $p=0.000$). Thus, the study showed teacher's leadership has influenced toward students success. Implication of the study shows that teacher leadership needs to be strengthen in order to increase students success.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi
vi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vii

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	
SENARAI LAMPIRAN	xvi



05-4506832

**SENARAI SINGKATAN**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kerangka Teoritikal	12
1.9 Kerangka Konseptual	14
1.10 Kepentingan Kajian	15
1.11 Batasan Kajian	18
1.12 Definisi Operasi	19
1.12.1 Kepimpinan Guru	19
1.12.2 Keberhasilan Pelajar	20
1.12.3 Bekerja Dengan Pelajar Dewasa	20
1.12.4 Komunikasi	21
1.12.5 Kolaboratif	21
1.12.6 Pengetahuan Isi Kandungan dan Pedagogi	22
1.12.7 Berfikiran Sistem	22
1.12.8 Reaksi Pelajar	23
1.12.9 Pembelajaran Pelajar	23
1.12.10 Perubahan Tingkah Laku	24
1.12.11 Keputusan	24
1.12.12 Pelajar Tingkatan Enam	25
1.12.13 Guru Tingkatan Enam	25
1.13 Rumusan	25





BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	27
2.2 Teori-Teori Kepimpinan Guru	28
2.3 Teori Kepimpinan Guru CSTP (2009)	29
2.3.1 Bekerja Dengan Pelajar Dewasa	33
2.3.2 Komunikasi	36
2.3.3 Kolaboratif	37
2.3.4 Pengetahuan Isi Kandungan dan Pedagogi	39
2.3.5 Berfikiran Sistem	40
2.4 Teori Kepimpinan Guru Katzenmeyer & Moller (2009)	42
2.5 Teori Kepimpinan Guru Grant (2008)	43
2.6 Teori Kepimpinan Guru York Barr & Duke (2008)	44
2.7 Teori-Teori Keberhasilan Pelajar	45
2.7.1 Model Kirkpatrick (2011)	48
2.7.2 Model Teyler (1949)	52
2.7.3 Model Taba (1962)	55
2.8 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keberhasilan Pelajar	59
2.9 Hubungan Kepimpinan Guru dan Keberhasilan Pelajar	60
2.10 Sejarah Pendidikan Tingkatan Enam	62
2.11 Kajian Lepas	67
2.12 Rumusan	74



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	75
3.2 Reka Bentuk Kajian	76
3.3 Populasi Kajian	77
3.4 Persampelan	78
3.5 Instrumen Kajian	78
3.6 Kajian Rintis	83
3.7 Kesahan Instrumen	84
3.8 Kebolehpercayaan Instrumen	85
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	87
3.10 Prosedur Penganalisisan Data	88
3.11 Rumusan	92

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	94
4.2 Latar Belakang Responden	95
4.3 Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Persepsi Pelajar	98
4.4 Tahap Keberhasilan Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar	100
4.5 Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Keberhasilan Pelajar	102
4.6 Pengaruh Kepimpinan Guru Terhadap Keberhasilan Pelajar	104
4.7 Rumusan	106





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	108
5.2 Rumusan Kajian	109
5.3 Perbincangan	110
5.3.1 Maklumat Responden	111
5.3.2 Tahap Kepimpinan Guru Dari Persepsi Pelajar	112
5.3.3 Tahap Keberhasilan Pelajar Dari Persepsi Pelajar	114
5.3.4 Hubungan Kepimpinan Guru Dengan Keberhasilan Pelajar Dari Persepsi Pelajar	117
5.3.5 Pengaruh Kepimpinan Guru Terhadap Keberhasilan Pelajar Dari Persepsi Pelajar	119
5.4 Implikasi Kajian	121
5.5 Cadangan Kajian	122
5.6 Kesimpulan Dan Penutup	123
RUJUKAN	125



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Bilangan Item Instrumen Kepimpinan Guru	80
3.2	Skor Skala Likert Instrumen Kepimpinan Guru	81
3.3	Bilangan Item Instrumen Keberhasilan Pelajar	82
3.4	Skor Skala Likert Instrumen Keberhasilan Pelajar	83
3.5	Alpha Cronbach Instrumen Kepimpinan Guru	86
3.6	Alpha Cronbach Instrumen Keberhasilan Pelajar	86
3.7	Rumusan Penganalisisan Data	89
3.8	Interpretasi Skor Min Kepimpinan Guru	90
3.9	Interpretasi Skor Min Keberhasilan Pelajar	90
3.10	Interpretasi Nilai Korelasi	91
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	95
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	96
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Berada Di Sekolah	97
4.4	Taburan Pencapaian NGMP Responden	98
4.5	Dimensi Kepimpinan Guru Berdasarkan Persepsi Pelajar	99
4.6	Tahap Kepimpinan Guru Berdasarkan Persepsi Pelajar	100
4.7	Dimensi Keberhasilan Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar	101
4.8	Tahap Keberhasilan Pelajar Berdasarkan Persepsi Pelajar	101





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xiii
ptbupsi

4.9	Korelasi Kepimpinan Guru Dengan Keberhasilan Pelajar	102
4.10	Regresi Kepimpinan Guru Terhadap Keberhasilan Pelajar	104
4.11	Jadual ANOVA Menolak Atau Menerima Hipotesis	105



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1 Model Kepimpinan Guru CSTP (2009)	30



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN

CSTP	Centre for Strengthening the Teaching Profesion
IAB	Institut Aminuddin Baki
JNJK	Jemaah Nazir Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LNPT	Laporan Nilaian Prestasi Tahunan
MJM	Mesyuarat Jemaah Menteri
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
NGMP	Nilai Gred Matapelajaran



05-4506832

PdPc pustaka.upsi.edu.my Pembelajaran dan Pemudahcaraan
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISA	Programme for International Student Assessment
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	Statistical Packages For The Social Sciences
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TN 50	Transformasi Nasional Tahun 2050
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang soal selidik
- B Kebenaran menggunakan soal selidik dari penyelidik dahulu
- C Analisis kebolehpercayaan soal selidik
- D Jadual Krejcie dan Morgan (1970)
- E Kesahan Muka (Face Validity)
- F Surat kebenaran KPM
- G Surat kebenaran JPN Perak
- H Akuan kebenaran dari pentadbir sekolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832

**Pendahuluan**du.myPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Malaysia merupakan salah satu negara di rantau Asia Tenggara yang sedang pesat membangun menuju ke arah pembentukan sebuah negara yang maju. Menurut New Straits Times pada 11 November 2017 Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Transformasi Nasional Tahun 2050 (TN50) sebagai visi negara untuk tiga puluh tahun yang akan datang sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020 negara.

Kerajaan Malaysia mensasarkan untuk terjulang sebagai dua puluh negara yang terbaik di dunia. Justeru, TN 50 akan membawa transformasi kepada pelbagai bidang dalam pentadbiran negara untuk berkembang pesat bagi memacu kemajuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



negara seperti yang telah dirancang. Di antara bidang tersebut termasuklah bidang pendidikan.

Bidang pendidikan merupakan satu bidang yang sangat penting untuk dibincangkan dalam konteks kemajuan negara. Ini kerana bidang pendidikan berfungsi sebagai tunjang utama pembinaan insan bagi sesebuah negara dan merupakan wadah utama membentuk sahsiah dalam mendidik generasi muda yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2017), usaha memajukan bidang pendidikan adalah menjadi tanggungjawab penting semua warga pendidik untuk melahirkan modal insan sebagai persiapan TN 50.



(2013-2025) dalam anjakan yang pertama kerajaan bersungguh-sungguh untuk menjadikan pendidikan negara ini lebih berkualiti tinggi seperti mutu pendidikan antarabangsa. Salah satu komponen terpenting dalam pencapaian pentadbiran negara adalah kejayaan dalam bidang pendidikan. Matlamat utama kerajaan adalah untuk menjadikan bidang pendidikan negara setanding dengan pencapaian pendidikan negara maju, Hussien Ahmad (2012). Kepimpinan guru menjadi isu penting dalam perkembangan pendidikan negara.

Guru harus meningkatkan kemahiran melalui pembelajaran yang berterusan dan bukannya terhenti setakat memiliki ijazah sahaja, guru seharusnya belajar sepanjang hayat, (Blank, 2014). Perlaksanaan PPPM (2013-2025), telah mengubah





bidang pendidikan di Malaysia menuju ke abad 21 dan tugas guru menjadi lebih mencabar apabila berhadapan dengan transformasi dalam bidang pendidikan menerusi dasar pendidikan bersifat inklusif dan futuristik, (KPM,2013).

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut KPM (2016), pengajian peringkat tingkatan enam adalah peringkat peralihan pelajar dari tahap pendidikan menengah menuju ke tahap pengajian tinggi. Maka penstrukturkan pendidikan Tingkatan enam sebagai satu langkah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran agar dapat menyediakan persekitaran dan kemudahan kursus yang berbeza berbanding pengajian di peringkat sekolah menengah biasa. Jika



disorot kembali dalam laporan tahunan PPPM 2014 menegaskan tingkatan enam ialah program pengajian lepasan menengah yang menjadi platform penting kepada pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda universiti di dalam dan di luar negara.

Laporan Tahunan PPPM 2014 juga melaporkan salah satu usaha untuk memartabatkan pendidikan lepasan menengah di negara ini ialah penjenamaan semula tingkatan enam supaya setanding dengan pra universiti lain seperti kolej matrikulasi KPM dan program asasi sains di universiti-universiti tempatan. Kesemua pusat pengajian ini amat penting dalam usaha melahirkan sumber tenaga yang mahir dan berkualiti. Oleh itu, tindakan kerajaan melancarkan proses transformasi tingkatan enam adalah satu usaha yang tepat. Ini kerana pengajian peringkat tingkatan enam mampu





melahirkan warganegara yang matang dan berfikiran luas, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM, 2012).

Laporan Tahunan PPPM 2014 turut menegaskan bahawa proses penjenamaan semula tingkatan enam amat penting untuk mengubah persepsi masyarakat yang melihat tingkatan enam sebagai pilihan kurang menarik bagi menyambung pengajian sebelum ke program ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT). Menurut laporan tersebut juga, penjenamaan semula tingkatan enam merangkumi yuran pengajian minimum, kod pemakaian fleksibel, silibus yang setara dengan program prauniversiti, tempoh pembelajaran yang singkat, tiga mod pilihan, peperiksaan setara dengan program pra universiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Menurut Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014), penjenamaan semula tingkatan



beberapa bidang seperti imej, infrastruktur, pengurusan dan pentadbiran. Penjenamaan semula struktur pengajian tingkatan enam turut mempengaruhi kualiti dan kepimpinan guru tingkatan enam, (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Kepimpinan guru menjadi fokus penting kepada pendidikan peringkat tingkatan enam. Profesionalisme guru tingkatan enam ditingkatkan dengan memilih guru tingkatan enam yang mempunyai opsyen yang sesuai dengan mata pelajaran yang ditawarkan (Surat Pekeliling KPM: KP (BPSH-SPSM) 303/01/ (4), bertarikh 20-5-2009). Dewasa ini keberhasilan pelajar telah menjadi agenda penting kepada KPM. Menurut KPM (2016), kementerian sentiasa berusaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam dengan mewujudkan garis panduan tingkatan enam yang dikeluarkan





oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian pada tahun 2009 dan 2016 yang meliputi panduan kepada pengurusan kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan penyelidikan.

Pelbagai pendekatan yang lebih menarik telah diperkenalkan seperti kaedah penyampaian kuliah dan tutorial serta pelaksanaan waktu pengajaran tingkatan enam yang lebih fleksibel dan selaras dengan keperluan sukanan pelajaran mengikut semester (Surat Pekeliling KPM: KP (BPSH-SPSM) 303/01/(4), bertarikh 20-5-2009). Sejajar dengan transformasi tingkatan enam, langkah penambahbaikan telah giat dilaksanakan dari segi aspek pengurusan, fungsi guru tingkatan enam dan kebijakan pelajar turut diberi fokus yang penting. Matlamat kerajaan adalah untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran peringkat tingkatan enam agar lebih



menarik dan kemaskini serta menonjolkan dengan suasana pembelajaran ala universiti yang lebih kondusif. Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014), menghujahkan pelbagai perubahan telah berlaku kepada pengajian tingkatan enam termasuklah merangkumi beberapa aspek seperti pengurusan dan pentadbiran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penulisan ilmiah serta kemudahan fizikal.





1.3 Pernyataan Masalah

Jika disorot kepada kajian lampau, menunjukkan kajian kepimpinan guru tingkatan enam masih kurang dibincangkan. Pandangan ini berpadanan dengan dapatan kajian pengkaji tempatan seperti Abdul Talib Hashim, Amir Hassan Dawi, Hamidah Yusof dan Zahari Suppian pada tahun 2012. Justeru, lebih banyak kajian patut dibuat untuk menambah baik amalan kepimpinan guru di sekolah-sekolah tingkatan enam di samping dapat mengembangkan ilmu secara rasional kepada ahli-ahli dalam bidang pendidikan dan masyarakat. Disebabkan bidang ini masih kurang diselidiki, maka ia perlu diteroka dari pelbagai sudut, Berry et. al (2010). Kekurangan penyelidikan berkaitan kepimpinan guru tingkatan enam dapat dilihat menerusi carian Google Scholar sehingga 20 April 2018, daripada 18,900 artikel berkaitan kepimpinan



Pola yang sama juga boleh dilihat menerusi carian internet dengan menggunakan kata kunci “Kepimpinan Guru” di laman web *Malaysian Thesis Online (MYTO)* sehingga 20 April 2018, menunjukkan hanya terdapat 1,770 artikel yang telah dipaparkan. Bagaimanapun, hanya 10 artikel yang berkaitan kepimpinan guru. Menerusi kata kunci “Persepsi pelajar” pula menunjukkan tiada paparan artikel yang berkaitan kepimpinan guru menurut perspektif pelajar. Kenyataan ini jelas menunjukkan kajian terhadap bidang kepimpinan guru masih lagi kurang dan ianya perlu diberi perhatian oleh para penyelidik.





Menurut MPM (2018) dalam sidang media penumuman keputusan peperiksaan STPM 2017 pada 6 Mac 2018, telah menunjukkan tingkat keberhasilan yang tertinggi sejak perlaksanaan STPM modular diperkenalkan mulai tahun 2013. Keputusan peperiksaan STPM diukur berdasarkan Nilai Gred Matapelajaran (NGMP) atau *National Cumulative Grade Points Average* (CGPA). Menurut MPM (2018) lagi, NGMP peperiksaan STPM semakin meningkat, bermula 2.57 (2013), 2.62 (2014), 2.65 (2015), 2.71 (2016) kepada 2.76 (2017). Bilangan calon yang mendapat NGMP 4.00 (*Four Flat*) juga didapati menunjukkan trend peningkatan yang positif iaitu bermula 492 (2013), 390 (2014), 335 (2015), 565 (2016) dan 485 (2017). Apa yang menariknya di sebalik peningkatan keputusan STPM semakin bertambah baik ini, sudah tentunya mempunyai kaitan dengan faktor kepimpinan guru. Maka, wajarlah kajian kepimpinan guru dan keberhasilan pelajar tingkatan enam dilakukan.



Umumnya keberhasilan pelajar diakui menjadi agenda nasional yang penting. Perkara ini ditegaskan dalam Anjakan Kesepuluh PPPM (2013-2025), untuk memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit yang dibelanjakan oleh kerajaan. Menurut Laporan Bajet Malaysia bagi tahun 2018, peruntukan yang besar diberikan kepada sektor pendidikan berjumlah RM 61.6 billion. Peruntukan yang tinggi dalam bidang pendidikan jelas menunjukkan komitmen kerajaan terhadap bidang ini sentiasa diberi keutamaan. Justeru, keberhasilan pelajar menjadi signifikan kepada kerajaan untuk memastikan mutu pendidikan yang terbaik setimpal dengan peruntukan bajet yang telah dibelanjakan. PPPM (2013-2025), menegaskan mutu pendidikan negara wajar dipertingkatkan standing dengan mutu pendidikan di negara maju. Hal ini termaktub di dalam Anjakan Pertama PPPM (2013-2025). Peningkatan





mutu pendidikan boleh dicapai menerusi tahap kualiti ilmu dan kemahiran yang meningkat, upaya literasi subjek, numerasi yang bertambah, literasi ICT, perpaduan, kualiti etika serta akhlak yang boleh dijadikan ikutan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kajian tahunan bagi menilai keberhasilan program kerajaan supaya memenuhi semua hasrat kerajaan, (KPM, 2013).

Menurut KPM (2016), di arena antarabangsa pula menunjukkan tahap keberhasilan pelajar negara ini masih rendah. Jika diimbas kembali laporan Program Penilaian Pelajar PISA 2015 (*Programme for International Student Assessment*) menunjukkan negara Malaysia memperolehi pencapaian yang sederhana dalam domain literasi bacaan (skor 431), domain literasi saintifik (skor 443) dan domain literasi matematik (skor 446). Kedudukan Malaysia berada di bawah negara yang tahap ekonominya yang rendah seperti Thailand dan Vietnam. Ranking terbaik Malaysia pada tempat ke-52 dari 65 buah negara dalam PISA 2012.

Menurut KPM (2016), bagi meningkatkan keberhasilan terhadap kepimpinan guru, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi, KPM telah mengeluarkan Panduan Penilaian Keberhasilan Guru 2016 berdasarkan “*Unified Instrument*” bagi mengantikan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Penilaian kepada keberhasilan kepimpinan guru dijalankan menerusi Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) yang akan digunakan untuk mencatat sasaran kerja, mengira sasaran kerja yang melebihi jumlah yang disasarkan dan akan





digunakan untuk keperluan-keperluan lain dalam tugas pegawai perkhidmatan pendidikan.

Terdapat dalam kalangan pelajar dan ibu bapa mempunyai persepsi yang negatif terhadap pengajian tingkatan enam. Mereka meletakkan pengajian tingkatan enam sebagai pilihan terakhir. Menurut Mokhtar Pet dan Ahmad Johari Sihes (2013), sebilangan pelajar akan menamatkan pengajian mereka sekiranya mereka mendapat tawaran di pusat pengajian lain seperti universiti tempatan, politeknik atau tawaran pekerjaan. Mereka juga berpendapat pandangan masyarakat seperti ini dipengaruhi oleh faktor persepsi ibu bapa pelajar yang memandang rendah terhadap pengajian tingkatan enam. Pendapat beliau juga disokong oleh Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014) yang mengatakan golongan pelajar tidak menjadikan tingkatan



enam sebagai pilihan yang utama sebaliknya lebih cenderung untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara, kolej universiti, kolej matrikulasi serta kolej swasta.

Di samping itu, perubahan ketara pada sukanan STPM baharu yang dikenali STPM modular telah diperkenalkan pada tahun 2013. Perubahan ini telah menyebabkan guru-guru tingkatan enam mengalami perubahan kepada suasana pengajaran guru dan suasana kerja. Perubahan kepada sukanan pelajaran yang baru tentunya akan mengubah situasi, cara belajar, pedagogi dan kaedah pengurusan yang baru. Menurut MPM (2012), guru tingkatan enam perlu berubah, sesuai dengan perubahan STPM baharu yang melibatkan perubahan penilaian dan pentaksiran yang baharu. Dalam hal ini, Tang Keow Ngang dan Tham Yoke Mei (2014) berpendapat guru tingkatan enam berhadapan dengan beban tugas yang berat misalnya





dikehendaki melaksanakan kerja kursus matapelajaran di samping melakukan penyelidikan dan kajian tindakan untuk meningkatkan kompetensi mereka. Penstruktur semula pengurusan tingkatan enam secara mendadak akan menyebabkan golongan guru akan turut terkesan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam di daerah Perak Tengah. Perbincangan ke atas kedua-dua faktor ini adalah berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam atas.



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam. Bagi tujuan tersebut, terdapat empat objektif kajian telah dibina seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kepimpinan guru berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.
- ii. Mengenal pasti tahap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.





- iii. Menentukan adakah terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.
- iv. Menentukan sejauh manakah pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, empat soalan kajian telah dibentuk iaitu:

- i. Apakah tahap kepimpinan guru berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- ii. Apakah tahap keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?
- iv. Sejauh manakah pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar terhadap berdasarkan persepsi pelajar tingkatan enam?





1.7 Hipotesis kajian

Berdasarkan soalan kajian (iii) dan (iv), dua hipotesis telah dibina iaitu:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar.

Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara kepimpinan guru dengan keberhasilan pelajar berdasarkan persepsi pelajar.

1.8 Kerangka Teori



Di dalam menjalankan sesuatu penyelidikan, kerangka teori menjadi panduan penting kepada sesuatu penyelidikan. Teori yang di gunakan dapat merumuskan pengetahuan semasa melalui perhubungan pengetahuan berkaitan seperti teori kajian, ojektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, tinjauan literatur dan metodologi kajian, (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016).

Walaupun terdapat banyak teori kajian dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan sebagai panduan, namun penyelidik memutuskan untuk menggunakan dua teori yang difikirkan sesuai sebagai panduan. Dua teori tersebut ialah: (a) Teori Kepimpinan Guru oleh *Centre for Strengthening the Teaching Profession* (CSTP, 2009), iaitu untuk menilai amalan kepimpinan guru tingkatan enam dan (b) Model Penilaian Latihan oleh Kirkpatrick (2011) untuk





menilai keberhasilan pelajar tingkatan enam. Kedua-dua teori ini mempunyai kepentingan yang besar dan amat signifikan terhadap tajuk penyelidikan ini.

Teori yang pertama digunakan dalam kajian ini ialah teori kepimpinan guru CSTP (2009) untuk membincangkan kepimpinan guru menerusi pendekatan teoritikal. Teori ini dipilih kerana ideal kepada perbincangan dan interaksi pelajar tingkatan enam dengan kepimpinan guru yang mempunyai kaitan terhadap keberhasilan pelajar yang hendak dikaji. Teori kepimpinan guru CSTP (2009) mewakili lima elemen utama iaitu: (a) Bekerja dengan pelajar dewasa, (b) Komunikasi, (c) Kolaboratif, (d) Pengetahuan isi kandungan dan pedagogi dan (e) Berfikiran sistem. Teori ini dipilih kerana amat bersesuaian kerana mengutamakan kepimpinan guru dengan menyantuni pelajar tingkatan enam sebagai pelajar dewasa dan berkollaboratif dengan mereka di dalam dan diluar bilik darjah.

Teori yang kedua dalam kajian ini ialah Teori keberhasilan pelajar Kirkpatrick, berdasarkan Model Penilaian Latihan Kirkpatrick (2011), yang digunakan sebagai panduan untuk mengukur keberhasilan pelajar tingkatan enam. Model ini dipilih kerana melengkapi prosedur penilaian dan sering digunakan untuk mengukur penilaian keberhasilan pelajar. Model Kirkpatrick (2011) mengandungi empat elemen penting iaitu: (a) Reaksi, (b) Pembelajaran, (c) Tingkah laku dan (d) Keputusan. Model Kirkpatrick (2011) dapat menjelaskan bagaimana pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan





pelajar tingkatan enam di dalam dan di luar bilik darjah dapat dibincangkan secara terperinci di dalam kajian ini.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian.

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam. Menerusi kajian ini, teori kepimpinan guru CSTP (2009) dan model penilaian latihan Kirkpatrick (2011) berfungsi sebagai panduan dan pananda kepada kajian ini supaya sentiasa berada di landasan yang ditetapkan.

Dua faktor penting digunakan dalam kajian ini iaitu kepimpinan guru yang

berfungsi sebagai pemboleh ubah bebas. Faktor yang kedua dalam kajian ini ialah keberhasilan pelajar yang berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan dua faktor inilah, penyelidik telah membina kerangka konseptual kajian bagi membincangkan pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar mengikut persepsi pelajar tingkatan enam. Kerangka konseptual kajian yang dibina untuk dijadikan panduan kepada penyelidikan ini adalah seperti berikut:





Pemboleh Ubah Bebas

Pemboleh Ubah Bersandar

Kepimpinan Guru

Keberhasilan Pelajar

Kepimpinan Guru:

1. Bekerja Dengan Pelajar Dewasa
2. Komunikasi
3. Kolaboratif
4. Pengetahuan Isi Kandungan dan pedagogi
5. Berfikiran Sistem

Keberhasilan Pelajar:

1. Reaksi
2. Pembelajaran
3. Tingkah laku
4. Keputusan



CSTP (2009)

Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Sumber: Ubahsuai dari CSTP (2009) dan Kirkpatrick (2011)

1.10 Kepentingan Kajian.

Kajian kepimpinan guru semakin mendapat perhatian dari para ilmuan memandangkan pengiktirafan terhadap kepimpinan guru telah meningkat melalui peranannya dalam reformasi perubahan dalam pendidikan. Pada umumnya manfaat kajian ini dapat dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu manfaat secara teori dan manfaat secara praktikal.





Antara kepentingan kajian berkaitan kepimpinan guru dapat dilihat secara teori seperti memberi faedah kepada golongan pembaca amnya dan penyelidik pendidikan khasnya. Kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan pembaca tentang dunia pendidikan dan dapat menambah pengetahuan tentang persepsi pelajar tingkatan enam terhadap pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar pada masa ini.

Kajian ini juga dapat memberikan faedah yang amat besar kepada pengamal di bidang pendidikan. Menerusi kajian ini, penyelidik dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman melakukan kegiatan penyelidikan dengan menerapkan ilmu-ilmu pengetahuan yang telah diperolehi. Penyelidik dapat memahami fenomena pendidikan di Malaysia melalui teori-teori yang sesuai dalam bidang pendidikan.



Di samping itu, secara praktikalnya kajian ini juga dapat memberikan faedah yang besar kepada para pengamal pendidikan seperti golongan pelajar, ibu bapa, guru, institusi pendidikan dan masyarakat. Kajian ini diharap mempunyai manfaat yang besar kepada pelajar kerana mereka dapat mengetahui kaedah pembelajaran yang bersesuaian dan berkesan sebagai pelajar tingkatan enam yang sudah dewasa. Selain itu, sebagai pelajar peringkat pra universiti, mereka sudahpun dewasa, pelajar akan dapat memanfaatkan pengalaman sepanjang pembelajaran mereka sejak mengikuti pengajian peringkat menengah rendah dan peringkat menengah atas menerusi kepimpinan guru yang berkesan.





Kajian ini mempunyai manfaat yang besar kepada ibu bapa dan penjaga kerana mereka dapat memantau proses pengajaran dan pembelajaran anak mereka di rumah. Sebagai ibu bapa dan penjaga, mereka dapat memainkan peranan penting dan sentiasa komited kepada perkembangan dunia pendidikan seperti Program SARANA Ibu bapa di sekolah anak mereka demi menyokong proses pembelajaran anak mereka. Dengan sokongan jitu dari penjaga, kejayaan dan kecemerlangan pelajar akan menjadi lebih mudah untuk dikecapi oleh pelajar.

Menerusi kajian ini juga dapat membantu para guru untuk menilai kembali keberhasilan kepimpinan mereka di sekolah. Dengan yang demikian, mereka dapat memperbaiki kelemahan yang ada. Penyelidik membuat kajian ini dari perspektif pelajar tingkatan enam. Para pelajar sendiri yang menilai keberkesanan kepimpinan guru. Menerusi kajian ini, guru juga dapat mengetahui tahap keberhasilan pelajar terhadap amalan kepimpinan guru.

Penyelidikan ini dapat membantu institusi pendidikan berkaitan amalan kepimpinan guru. Persepsi pelajar terhadap kepimpinan guru tingkatan enam yang menjadi fokus penting dalam kajian ini. Justeru, institusi pendidikan menjadi rakan strategik yang membantu kecemerlangan sekolah seperti Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) agar dapat membantu kepimpinan guru ke arah memperbaiki amalan kepimpinan sedia ada sesuai dengan aspirasi pendidikan semasa.





Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuka minda masyarakat tentang transformasi pendidikan yang sedang berlaku di negara ini seiring dengan kemajuan pendidikan negara abad ke 21. Kajian ini membincangkan pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar tingkatan enam. Sekiranya guru berjaya menjalankan kepimpinan secara berkesan, tentunya dapat melonjakkan mutu pendidikan dan membawa peningkatan kepada keberhasilan pelajar di negara ini. Akhirnya akan menjadikan pendidikan tingkatan enam menjadi lebih menarik dan platform yang baik kepada pelajar.

1.11 Batasan Kajian.



Skop kajian memperihalkan apa yang hendak diselidiki, batasan pula memperihalkan secara eksplisit perkara yang tidak akan dikaji, (Noraini Idris, 2013). Skop dan batasan kajian sangat mustahak kerana sesuatu penyelidikan tidak terpesong. Kajian ini berbentuk tinjauan pelajar tingkatan enam terhadap amalan kepimpinan guru di sekolah tingkatan enam dibawah kelolaan KPM.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh kepimpinan guru terhadap keberhasilan pelajar di sekolah pusat tingkatan enam dalam daerah Perak Tengah. Kesemua sekolah ini dalam kategori sekolah luar bandar, bentuk pentadbiran di sekolah-sekolah yang dikaji ini adalah jenis mod 3 (berkongsi dengan arus perdana), di bawah pentadbiran PPD Perak Tengah. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMK Sultan Abdul Jalil Shah di Seberang Perak, SMK Iskandar Shah di Parit, SMKA





Sultan Azlan Shah, Bota dan SMK Dato' Abdul Rahman Yaakob di Bota Kanan, Perak.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mengumpul data. Penyelidikan ini berhadapan dengan halangan seperti masa, tugas kerja dan kerjasama yang diberikan oleh pelajar tingkatan enam untuk menjawab instrumen kajian seperti borang soal selidik yang diedarkan.

1.12 Definisi Operasi.

1.12.1 Kepimpinan guru



Kepimpinan guru merupakan keupayaan guru sewaktu bertugas dengan menguasai ilmu pengetahuan serta berupaya memainkan peranan yang berkesan dan mempunyai kecenderungan terhadap bidang tugas, (CSTP, 2009). Di dalam kajian ini akan memberi fokus kepada amalan kepimpinan guru tingkatan enam yang akan dinilai oleh pelajar tingkatan enam.





1.12.2 Keberhasilan Pelajar

Keberhasilan pelajar ialah hasil belajar yang dinilai melalui empat tahap penilaian iaitu reaksi belajar, pembelajaran, perubahan tingkah laku dan keputusan, (Kirkpatrick, 2011). Beliau juga berpendapat keberhasilan pelajar sebagai hasil yang diperolehi setelah melakukan aktiviti PdPc setelah melalui ujian yang sistematik. Dalam kajian ini, penilaian terhadap keberhasilan seseorang pelajar dapat diukur dengan pengetahuan, sikap dan ketrampilan menerusi persepsi pelajar.

1.12.3 Bekerja Dengan Pelajar Dewasa



untuk melayani dan menyantuni pelajar sebagai seorang yang telah dewasa dengan melayan mereka sesuai dengan tahap pemikiran dan kematangan pelajar, (CSTP, 2009). Dalam kajian ini, pelajar tingkatan enam merupakan pelajar dewasa yang sudah berpengalaman di sekolah rendah dan menengah dengan usia melebihi 18 tahun menjadikan pelajar yang telah melalui tempoh persekolahan yang mematangkan usia dan pengalaman bersama dengan guru mereka.





1.12.4 Komunikasi

Komunikasi sebagai satu kaedah perhubungan yang penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan guru kepada pelajarnya, (CSTP, 2009). Kemahiran berkomunikasi sangat penting untuk bertukar maklumat di antara individu dengan individu yang lain. Dalam konteks kajian ini, komunikasi merupakan satu proses penyampaian ataupun pertukaran maklumat penting terutama di antara guru dan pelajar tingkatan enam di dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

1.12.5 Kolaboratif.



ibu bapa, masyarakat dan badan swasta dan kerajaan dalam menjayakan pelbagai program sekolah, (CSTP, 2009). Menerusi kajian ini, kolaboratif amat penting dalam amalan kepimpinan guru terutamanya dalam menjalinkan hubungan dengan pelajar, rakan guru, pentadbir sekolah dan komuniti yang berada di persekitaran serta sikap yang terbuka ke arah pembangunan sekolah.





1.12.6 Pengetahuan Isi Kandungan dan Pedagogi

Pengetahuan isi kandungan dan pedagogi merujuk kepada penguasaan ilmu pengetahuan oleh guru dalam bidang matapelajaran yang diajar, (CSTP, 2009). Dalam kajian ini akan membincangkan pengetahuan isi kandungan dan pedagogi guru seperti strategi pengajaran, penilaian, menganalisis pengetahuan serta menggunakan pengalaman untuk melaksanakan strategi pedagogi yang berkesan dalam proses PdPc guru bersama pelajar.

1.12.7 Berfikiran Sistem



berfikir yang meluas kerana tugas guru sering dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang menyeluruh, (CSTP, 2009). Menerusi kajian ini, amalan berfikir sebagai sebuah sistem di kalangan guru turut dinilai oleh pelajar. Institusi pendidikan saling dipengaruhi oleh faktor persekitaran misalnya keberhasilan pelajar tingkatan enam akan dipengaruhi oleh persekitaran sekolah seperti tingkah laku, ketrampilan pelajar, masalah disiplin, kehadiran pelajar dan sahsiah pelajar. Semua faktor-faktor ini turut menyumbang ke arah pembentukan keberhasilan pelajar dan kemenjadian murid di sebuah sekolah.





1.12.8 Reaksi Pelajar

Menurut Kirkpatrick (2011), reaksi pelajar merupakan tindak balas yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap kepimpinan guru semasa proses PdPc dijalankan. Guru boleh mengesan tindak balas yang ditunjukkan oleh pelajar samada proses PdPc guru menunjukkan berkesan atau sebaliknya. Menerusi kepimpinan guru, tugas guru dalam menyampaikan ilmu lebih berkesan dengan mengambil perhatian kepada respon yang ditunjukkan oleh para pelajarnya seperti perasaan minat, kemahuan bertanya, interaksi, motivasi dan kecenderungan untuk belajar bersama guru.

1.12.9 Pembelajaran Pelajar



Pembelajaran sebagai proses memperolehi ilmu pengetahuan, mempengaruhi sikap dan mempengaruhi ketrampilan pelajar, (Kirkpatrick, 2011). Menurut beliau juga, menerusi proses pembelajaran, pelajar akan dapat menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka serta perubahan sikap mereka ke arah yang positif. Dalam konteks kajian ini, proses pembelajaran pelajar tingkatan enam dilalui bersama guru mereka dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membawa kepada kemahiran insaniah bersama rakan sebaya menerusi kerjasama berkumpulan dan perubahan sikap yang lebih positif.





1.12.10 Perubahan Tingkah Laku

Perubahan tingkah laku ialah perubahan kepada sikap pelajar selepas melalui proses pembelajaran bersama guru, (Kirkpatrick, 2011). Perubahan sikap diperolehi setelah memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran setelah mendapat hasil belajar bersama guru di dalam dan di luar bilik darjah. Menerusi kajian ini, perubahan tingkah laku pelajar seringkali dikaitkan dengan kerjasama dalam kumpulan, keupayaan untuk memimpin dan kolaboratif bersama rakan-rakan pelajar tingkatan enam.

1.12.11 Keputusan



Keberhasilan pelajar dapat diukur menerusi keputusan ujian yang sistematik selepas pelajar melalui proses belajar menimba pengetahuan dan kemahiran, (Kirkpatrick, 2011). Dalam konteks kajian ini, keputusan peperiksaan STPM dapat menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran prestasi akademik dalam kalangan pelajar tingkatan enam selepas tempoh belajar bersama guru mereka.





1.12.12 Pelajar Tingkatan Enam

Pelajar tingkatan enam merupakan individu pelajar yang menuntut di sekolah tingkatan enam yang terdiri pelajar-pelajar yang menuntut di kolej tingkatan enam, sekolah menengah harian di bawah KPM, pelajar persendirian, pelajar sekolah swasta, sekolah kerajaan negeri dan pelajar sekolah integriti, (KPM, 2016).

1.12.13 Guru Tingkatan Enam

Menurut KPM (2016) di dalam Buku Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam p.75 menyatakan bahawa guru tingkatan enam adalah guru yang telah dilantik atau

05-4506832 telah “*ditagging*” untuk mengajar di sekolah-sekolah tingkatan enam. Mereka terdiri bupsi

dari pada Penolong Kanan Tingkatan Enam, Guru Kokurikulum Tingkatan Enam, Guru Amali Tingkatan Enam, Guru Akademik Tingkatan Enam dan Guru Data Kolej Tingkatan Enam.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya bab satu menjadi pengenalan dan penanda kepada penyelidik untuk sentiasa merujuk kepada penanda yang telah ditetapkan. Panduan ini amat penting kepada penyelidik supaya kajian ini sentiasa berada di landasannya. Tujuan perbincangan dalam bab ini adalah supaya kajian yang dibuat tidak menyimpang dari





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

26

objektif yang telah ditetapkan. Keseluruhan bab ini membincangkan seperti pengenalan, masalah kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, manfaat kajian dan definisi operasi dengan konsep dan istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Bagaimanapun, penambahbaikan secara berterusan adalah perlu agar kajian ini dapat memberikan manfaat kepada ahli pendidikan, ahli akademik dan masyarakat pada keseluruhannya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi